

Penyerang kulit putih warga Australia lepas tembakan ala *Counter Strike*

# 49 jemaah solat Jumaat maut

KOSMO 16/03/2019 M/S 02

**CHRISTCHURCH, New Zealand.** - Sekurangnya 49 orang terbunuh manakala 20 lagi cedera dalam insiden serangan di dua buah masjid di daerah Christchurch, New Zealand apabila seorang lelaki melepaskan tembakan rambang di masjid yang penuh sesak pada waktu solat Jumaat semalam.



Dua rakyat Malaysia turut cedera dalam insiden tembakan di Masjid Al-Noor dekat Hagley Park dan Masjid Linwood di sini.

Kedua-duanya ialah Rahimi Ahmad, 39, dari Pulau Pinang yang bekerja di sebuah syarikat tenusu serta pengendali simulator penerbangan, Tarmizi Shuib, 42, dari Kedah.

Penyerang dikenal pasti seorang lelaki warga Australia berusia 28 tahun yang menggunakan nama Brenton Tarrant (**gambar kecil**) di Twitter.

Dalam klip video yang disiarkan secara langsung di media sosial, penyerang dilihat menggunakan senjata raifal automatik menyerbu dan melepaskan tembakan rambang ala permainan video *Call of Duty* dan *Counter Strike* di Masjid Al-Noor.

Difahamkan, serangan pertama berlaku selepas azan pertama solat Jumaat dilaungkan pada pukul 1.40 petang.

Satu lagi insiden tembakan berlaku di Masjid Linwood di pinggir bandar Christchurch,

yang terletak 6.5 kilometer dari Masjid Al-Noor.

Penembak turut memuat naik 'manifesto' 73 halaman bagi menjelaskan sebab-sebab serangan itu.

Dia menggambarkan dirinya sebagai seorang lelaki kebanyakan berketurunan kulit putih dan datang daripada 'keluarga berpendapatan rendah yang mengambil keputusan untuk membuat pendirian demi memastikan masa depan bangsa'.

Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern menyifatkan insiden yang menggemparkan dunia berkenaan sebagai hari paling gelap negara itu.

Menurut Ardern, sehingga kini, pihak polis tempatan telah menahan seorang suspek tetapi pihak berkuasa menjangka kemungkinan ada individu lain

yang terlibat.

"Insiden ini boleh dikelaskan sebagai serangan pengganas. Apa yang kami tahu, ia seperti sudah dirancang lebih awal.

"Dua peranti letupan yang dipasang pada kenderaan penembak juga sudah ditemui serta dimatikan," katanya pada satu sidang akhbar.

Menurut laporan *AFP*, sebaik insiden itu, pasukan polis bersenjata telah dikerah menjaga lokasi terbabit dari manakala penduduk digesa berada di dalam rumah. Sekolah tempatan turut ditutup.

Pihak polis berkata, mereka telah menahan seorang suspek dan masih memburu suspek-suspek yang lain.

Pesuruhjaya Polis New Zealand, Mike Bush menggesa orang ramai agar tidak mengunjungi mana-mana masjid bermula se-

## INFO New Zealand

**Keluasan:** 268,680 kilometer persegi  
**Populasi:** 4.9 juta  
**Perdana Menteri:** Jacinda Ardern  
**Jumlah wilayah:** 16  
**Ibu negara:** Wellington  
**Bandar terbesar:** Auckland  
**Etnik utama:** Eropah (74 peratus), Maori (14.9) dan Asia (11.8)  
**Bahasa rasmi:** Bahasa Inggeris dan bahasa Maori

malam sehingga satu kenyataan dikeluarkan kemudian.

Selain Malaysia, Afghanistan dan Bangladesh turut mengesahkan ada rakyat masing-masing terkorban dalam insiden berkenaan.



PASUKAN keselamatan menghantar salah seorang mangsa serangan masjid ke hospital di Christchurch semalam.



SALAH seorang mangsa (tengah) mengalami kecederaan dipercayai akibat tembakan rambang yang dilepaskan seorang lelaki Australia semalam.

## INFO Lokasi serangan masjid di New Zealand

